

22/07/2004

Kemenangan pertegas kesetiaan akar umbi kekal tradisi

By Dr Ilias Zaidi

PEMILIHAN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden Umno yang keenam tanpa bertanding membuktikan restu yang diberikan ahli peringkat akar umbi terhadap kepemimpinan tokoh dari Pulau Pinang itu, sekali gus kepatuhan padu keseluruhan bahagian kecuali Gua Musang kepada kehendak Majlis Tertinggi (MT) parti yang mahu dua jawatan terpenting tidak ditandingi.

Begitu juga, kemenangan Datuk Seri Najib Razak selaku Timbalan Presiden pada waktu sama, juga tanpa dicabar membuktikan restu ahli Umno pada semua peringkat terhadap kepemimpinan anak Allahyarham Tun Razak Hussein dari Pahang itu, sekali gus membuktikan pemilihannya sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Pak Lah tepat dan jitu.

Kemenangan kedua-dua tokoh ini juga mempertegas kesetiaan ahli untuk tidak mahu melukai, apatah lagi mencalari kemurnian tradisi pemilihan pucuk pimpinan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang teras sejak penubuhannya lagi.

Ahli peringkat akar umbi tidak mahu sejarah hitam sehingga pengharaman Umno selepas Tun Dr Mahathir Mohamad dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah pada perhimpunan agung parti pada 1987, berulang kembali.

Pengalaman pahit itu membuktikan tercalarnya tradisi beradat parti tanpa pertimbangan akaliah rasional membawa musibah yang hampir menghancurkan ketuanan dan kepemimpinan Melayu di bumi tercinta ini.

Peristiwa hitam yang dirintis sebelumnya dengan cabaran Sulaiman Palestin terhadap kepemimpinan Tun Hussein Onn selaku Presiden Keempat Umno, benar-benar diangkat dan direnungi oleh keseluruhan bahagian sebagai iktibar untuk menghormati keputusan MT pada pemilihan 2004.

Pak Lah yang dalam rangka lawatan kerja ke Amerika Syarikat diikuti Perancis dan England, amat terharu serta bersyukur ke hadrat Ilahi kerana sokongan padu bahagian Umno di seluruh negara yang sudah bermesyuarat. Beliau yang menjalankan tugas Presiden parti berjanji menunaikan amanah ahli parti dan rakyat sebaik mungkin dengan penuh komited.

Sama halnya dengan Najib yang turut terharu dengan sokongan padu bahagian kerana mencalonkan beliau untuk jawatan kedua terpenting dalam parti itu. Ahli Parlimen Pekan itu berazam memberi sokongan padu kepada Presiden untuk mudah menerjahkan parti terus unggul sebagai parti berwibawa orang Melayu.

Banyak perkiraan yang diperhitungkan akar umbi di sebalik sokongan padu kepada kedua-dua tokoh ini. Pak Lah sudah cukup terencana dan bersedia menerajui kerajaan dan parti apabila Dr Mahathir mengumumkan hasrat persaraannya daripada jawatan presiden parti dan Perdana Menteri, kira-kira setahun sebelum tarikh keramat 31 Oktober 2003 itu tiba.

Ucapan sulung Pak Lah di Kepala Batas sesudah mengangkat sumpah jawatan yang mengajak rakyat 'bekerja bersama dengannya dan bukan bekerja untuknya' amat menyentuh perasaan orang ramai. Keprihatinan beliau ialah terhadap kepemimpinan yang cekap, amanah dan bersih, slogan yang diperjuangkan ketika beliau berucap pada majlis pelancaran kempen 'Kepemimpinan Melalui Teladan' ketika menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dulu.

Justeru, Pak Lah benar-benar berazam menghapuskan amalan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, keganasan dan segala bermacam lagi gejala sosial yang melanda negara kebelakangan ini. Akhirnya nanti, rakyat Malaysia yang berada di persada bumi tercinta ini ialah mereka yang baik,

beradab, bersopan lagi bertamadun tinggi.

Dengan keazaman inilah Pak Lah membubarkan Parlimen untuk memberi laluan kepada pilihan raya umum pada 21 Mac lalu. Kemenangan besar Umno sekali gus BN pada pilihan raya itu membuktikan restu berjuta-juta pemilih berdaftar kepada kepemimpinan beliau bersama Najib.

Kejayaan Umno dan BN pada pilihan raya yang mencerminkan pengembalian orang Melayu khususnya generasi muda kepada parti, memberi peluang dan kesempatan lebih luas kepada Pak Lah dan kepemimpinan parti untuk memberi tumpuan khusus terhadap pemilihan pucuk pimpinan parti.

Pemeliharaan tradisi pemilihan pucuk pimpinan mencerminkan pandangan jauh ahli parti. Dengan itu, kepemimpinan kerajaan Pak Lah dapat menumpukan lebih masa, tenaga dan wang parti demi pembangunan orang Melayu. Pemurnian tradisi ini terentas pula kepada kepemimpinan sayap parti. Setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Seri Rafidah Aziz yang menang tanpa bertanding sebagai Ketua Pergerakan Wanita bersama naibnya, Datuk Seri Sharizat Abd Jalil, yang juga menang tanpa langsung dicabar.

Sama juga kemenangan Datuk Hishammuddin Hussein dan Khairy Jamaludin masing-masing tanpa dicabar sebagai Ketua dan Naib Ketua Pemuda, manifestasi kepada sokongan padu terhadap kepemimpinan Pak Lah.

Dari sekarang hingga pilihan akhir September nanti bakal menyerlahkan pelbagai perkembangan baru, khususnya berhubung pemilihan tiga jawatan naib presiden. Gejala politik wang dikatakan masih berlaku, suatu perlakuan yang dapat diibaratkan sebagai fatamorgana di tengah jalan tar dalam keadaan cuaca panas terik waktu tengah hari.

Rasa-rasanya kejadian ini berlaku tetapi apabila didekati, ia sukar dibuktikan, persis hilangnya fatamorgana apabila dihampiri. Justeru, regu kepemimpinan parti dan kerajaan Pak Lah-Najib yang bakal disahkan oleh perhimpunan parti nanti, pastinya perlu diberi sokongan padu demi pembanterasan segala gejala pincang yang menghantui negara.

Perkara ini perlu kerana pemimpin berkarisma tinggi serta ketokohan yang unggul bersama gaya kepemimpinan masing-masing amat penting bagi pertubuhan seperti Umno, suatu pertubuhan politik yang besar, gagah dan perkasa.

Memang wajar perpaduan dan kesatuan parti dipertahankan dengan semangat ketika ia ditubuhkan pada 1946 lalu di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar, selaku Presiden pertama. Perlembagaan parti itu patut dianggap sebagai suatu kontrak sosial yang mengikat padu semua ahli.

Untuk lebih bermakna dan berkesan, kontrak itu perlu dipatuhi dan dihormati demi kepentingan perjuangan parti bangsa Melayu ini untuk agama, bangsa, dan negara.

Pengalaman pahit beberapa negara di dunia sepatutnya dapat mencelikkan akal budi ahli parti. Pertukaran pucuk pimpinan sebanyak sembilan kali dalam masa tiga tahun seperti yang berlaku di Iran awal 1980-an bukanlah tradisi dan amalan masyarakat berbudaya murni seperti kita. Sebab itulah sejak 11 Mei 1946, Umno cuma berubah kepemimpinan sebanyak enam kali sehingga kini.

Dalam tempoh sama, negara menyaksikan pertukaran pemimpin kerajaan sebanyak lima kali saja. Kerana kesinambungan yang licin ini walaupun agak berbeza dari segi gaya menggelorakan kestabilan politik untuk kemudian memuncak kestabilan dan kemakmuran ekonomi negara.

Keputusan majoriti sewajarnya dihormati, dipatuhi, sekali gus direstui semua pihak. Bukankah majoriti itu mencerminkan kehendak lunas demokrasi yang tulen, yakni kerajaan dan pemerintah oleh rakyat, kerana rakyat dan untuk rakyat?

(END)